

Pengaruh Bahasa Jawa dalam Pembauran Kod Golongan Muda Melayu Berketurunan Jawa

MOHAMMAD FIRDAUS PAWIT & NORMAHDIAH SHEIK SAID

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau dan menilai sejauh mana pengaruh penggunaan bahasa Jawa menimbulkan fenomena pembauran kod dalam pertuturan dalam kalangan golongan muda. Kajian ini meninjau sejauh mana bahasa Jawa diamalkan oleh golongan muda yang berketurunan Jawa di kampung Sungai Leman, Sekinchan, Selangor. Penulis juga mengenal pasti tempat-tempat yang menjadi kebiasaan dan kekerapan bagi golongan muda menuturkan bahasa Jawa serta mengemukakan contoh-contoh percampuran bahasa Jawa dan bahasa Melayu dalam perbualan seharian. Penyelidikan ini telah dilakukan melalui temu bual dan soal selidik. Kaji selidik dijalankan ke atas 40 orang responden golongan muda yang berumur 6 hingga 25 tahun. Hasil kajian mendapati bahawa golongan muda pada peringkat rendah kurang menguasai penggunaan bahasa Jawa dan menyebabkan mereka mencampurkan bahasa Jawa dalam bahasa Melayu dalam komunikasi. Fenomena ini jika berlarutan dikhuatiri akan mengakibatkan kesalahan penggunaan bahasa, baik bahasa Melayu mahupun bahasa ibunda. Kajian ini penting bagi memberikan jaminan agar bahasa Melayu terus dimartabatkan seterusnya bahasa Jawa yang merupakan bahasa ibunda terus dipelihara dan tidak akan hilang penuturnya begitu sahaja. Kesimpulannya dapatlah dinyatakan bahawa penggunaan bahasa Jawa mempengaruhi fenomena pembauran kod dalam bahasa Melayu.

Kata kunci: bahasa Jawa, percampuran kod, golongan muda, multilingual, bahasa ibunda

ABSTRACT

This study was conducted to review and assess the extent of the use of the Java language that gives rise to code diffusion phenomena in speech among young people. This study investigates the extent to which the Java language practiced by young people of Javanese descent in kampung Sungai Leman, Sekinchan, Selangor. The authors also explore the places that are normally frequented by young people to speak Javanese and present examples of mixed Javanese and Malay languages in everyday conversation. This study was carried out using in-depth interviews and questionnaire survey. The questionnaire survey was conducted on 40 young respondents aged 6 to 25 years. Results of the study show that the young people in the lower category are not able to master the Java language and thus resulting in their mixing of the Java language and Malay language in communication. If this phenomenon is prolonged it is feared that it will result in language usage errors, both Malay or native language. This research is important in order to provide assurance that the Malay language continues to be further emphasized and that the Java language is preserved by the native speakers. In conclusion it is imperative that the use of Java language influences the code diffusion phenomena in the Malay language.

Key words: Java language, code mixing, the young, multilingual, native language

PENGENALAN

Pada zaman yang pantas menuju ke era kemodenan kini, jelas sekali kelihatan bahawa kumpulan etnik yang minoriti terlalu cepat dipengaruhi bahasa dan budayanya oleh kumpulan etnik majoriti yang mempunyai kuasa politik dan ekonomi yang kukuh (Asmah Hj. Omar 1985). Pengaruh itu meresap melalui beberapa saluran, iaitu melalui sains dan teknologi, politik, sosial dan ekonomi, sehinggakan timbulnya fenomena penukaran atau percampuran kod. Menurut ahli bahasa Scotton Myers (1988), penukaran kod yang dikenali sebagai “code switching” merupakan salah satu

fenomena linguistik yang lazimnya wujud dalam kalangan penutur dwibahasa atau dalam kalangan penutur yang “multilingual”. Percampuran kod (code-mixing) dan penukaran kod (code-switching) merupakan fenomena biasa dalam kalangan mereka yang boleh berbahasa lebih daripada satu bahasa. Percampuran dan penukaran kod berlaku apabila seorang yang bertutur, mencampuradukkan bahasa semasa berkomunikasi dengan satu sama lain. Fenomena ini amat berleluasa di Malaysia kerana pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil serta pelbagai dialek bahasa Melayu dari suku kaum rakyat peribumi dituturkan oleh rakyatnya. Begitu

juga yang berlaku dalam masyarakat Melayu yang berketurunan Jawa.

Menurut Nik Safiah Karim et al. (1993: 4) bahasa Jawa ialah salah satu daripada cabang Nusantara yang terangkum di dalam rumpun Austronesia. Bahasa Melayu dan bahasa Jawa adalah dua bahasa yang termasuk ke dalam bahasa Austronesia bahagian barat atau Hesperanesia. Kedua-dua bahasa ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Menurut beliau lagi, bahasa Melayu ialah salah satu daripada kira-kira 200 bahasa dalam cabang Nusantara keluarga Austronesia. Pada zaman dahulu, masyarakat Jawa berhijrah ke Tanah Melayu dengan bilangan yang besar. Oleh sebab itu, bahasa Jawa telah menjadi antara bahasa yang popular dan dapat memberi saingan kepada bahasa Melayu yang pada ketika itu menjadi bahasa pengantar di Tanah Melayu. Fenomena ini berlaku kerana sikap orang Jawa yang lebih mengutamakan bahasa ibunda mereka sebagai pertuturan harian apabila berada dalam kelompok bangsa yang sama. Lantas kedudukan bahasa Jawa tetap utuh sehingga masih boleh bersinambungan kepada generasi kini. Namun begitu, dewasa ini pengaruh penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan golongan muda yang berketurunan Jawa dalam pertuturan seharian mereka didapati telah mencampuradukkan penggunaan bahasa Jawa dan bahasa Melayu. Hal seumpama ini berlaku lantaran terdapatnya pengaruh bahasa lain dan juga faktor pertembungan budaya seperti perkahwinan, kepelbagaian bangsa di kawasan tempat tinggal dan sebagainya. Menurut Haugen (1953: 363), percampuran kod merupakan satu fenomena yang berlaku apabila berlakunya peminjaman sesuatu perkataan bahasa lain dalam sesuatu bahasa natif. Menurut Bokamba (1988: 21-62) pula, percampuran kod bermaksud penggunaan pelbagai unit linguistik seperti imbuhan, kata, frasa dan klausa daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam satu ayat. Percampuran kod ini memerlukan minimum dua bahasa yang peraturannya diintegrasikan dalam satu ayat. Asmah (1982) pula mendapati bahawa percampuran kod merupakan perubahan daripada satu kod ke satu kod yang lain dalam pertuturan oleh penutur yang tertentu dan dalam situasi yang tertentu sama ada formal atau tidak formal. Menurut Asmah lagi, percampuran kod biasanya berlaku dalam bentuk “interbahasa” atau “intrabahasa”, di mana ia wujud di kalangan pengguna-pengguna bahasa bilingual serta juga di kalangan pengguna-pengguna bahasa monolingual.

SOROTAN LITERATUR

Berkenaan dengan topik percampuran kod, Kachuru (1978: 107-124) telah pun membincangkan fenomena ini dalam kajiannya. Beliau mengkaji secara mendalam berkenaan dengan fenomena ini yang berlaku di kalangan masyarakat orang India di Asia Selatan. Dalam kajian Kachuru, beliau telah menghubungkan fenomena percampuran kod ini dengan konteks dan situasi masyarakat itu sendiri. Bahasa Hindi dan bahasa Inggeris merupakan kod yang dijadikan bahan kajiannya. Beliau telah menghuraikan persoalan yang berkaitan dengan bentuk percampuran kod, proses percampuran kod dan proses leksikal dalam pengkajian beliau. Selain itu, beliau juga telah menghuraikan motivasi-motivasi yang menyebabkan berlakunya fenomena percampuran kod ini dalam masyarakat India di Asia Tenggara. Hasil kajiannya telah membuktikan bahawa adanya ikatan yang rapat di antara ketergantungan bahasa dengan fenomena percampuran kod multilingual. Kachuru juga membuktikan bahawa fenomena percampuran kod masing-masing mempunyai fungsi dan peranannya. Rangka teori konteks situasi telah digunakan oleh beliau untuk menghubungkan penggunaan bahasa dengan bentuk linguistik demi menghuraikan ikatan langsung antara linguistik dengan situasi dan konteks budaya sesuatu masyarakat. Mengikut beliau, sikap seseorang komunikator dalam pemilihan sesuatu kod itu mempunyai perkaitan yang rapat dengan sikap komunikator tersebut terhadap bahasa dan prestij yang dimainkan oleh bahasa tersebut di dalam sesuatu masyarakat. Beliau berpendapat bahawa dalam fenomena percampuran kod ini, seseorang komunikator bukan sahaja mencampurkan satu atau dua bahasa yang dikuasai oleh mereka tetapi kadang-kadang mencampurkan semua bahasa yang dikuasai oleh mereka dalam sesuatu interaksi perbualan. Kajian Kachuru telah merumuskan beberapa proses percampuran kod yang kerap wujud dalam sesebuah komuniti yang dwibahasa atau multilingual, iaitu:

1. Penyisipan atau percampuran dari segi unit, iaitu mencampurkan satu perkataan atau item leksikal bahasa lain ke dalam bahasa asal yang digunakan. Misalnya, penyisipan kata nama, kata adjektif, kata kerja, kata ganti, kata sendi, kata penjodoh bilangan, kata seru, kata perintah, kata awalan atau kata-kata tugas sesuatu bahasa ke dalam ayat atau ungkapan yang berbahasa lain.

2. Percampuran kod dari segi frasa, misalnya frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama daripada bahasa lain dicampurkan ke dalam ungkapan sesuatu bahasa yang digunakan.
3. Penyisipan dari segi ayat dan klausa, iaitu menyisipkan ayat tunggal pendek atau klausa sesuatu bahasa ke dalam satu wacana yang berbahasa lain.
4. Penyisipan kata kiasan dan kata kolokasi sesuatu bahasa ke dalam ungkapan atau ayat yang berbahasa lain.
5. Menambahkan infleksi dan reduplikasi (pengganda), yakni bahasa yang diresapi itu telah mengalami proses infleksional supaya secocok dengan bahasa peresap atau bahasa natif. Dalam proses reduplikasi, item-item atau perkara-perkara dari sesuatu bahasa dicampurkan ke dalam bahasa lain.

Daripada hasil kajian Kachuru (1978: 107-124), beliau menyimpulkan bahawa bahasa mempunyai perkaitan rapat dengan percampuran kod. Bagi Kachuru, percampuran kod dalam interaksi mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri. Jadi, beliau berpendapat bahawa sesuatu kajian percampuran kod perlu ditinjau dari segi konteks bahasa masyarakat itu sendiri.

Di samping itu, berkenaan dengan topik percampuran bahasa, Jendra (1991: 133) merupakan salah seorang sarjana yang mempunyai pandangan dan pendapat yang hampir sama dengan Kachuru (1978). Jendra telah mengklasifikasikan fenomena percampuran kod kepada 3 tahap yang berlainan, iaitu:

1. Percampuran kod pada tahap kata;
2. Percampuran kod pada tahap frasa;
3. Percampuran kod pada tahap klausa.

OBJEKTIF DAN METOD KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh penggunaan bahasa Jawa oleh golongan muda serta membincangkan fenomena percampuran kod bahasa Jawa dan bahasa Melayu yang berlaku dalam pertuturan mereka.

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan lapangan. Kajian ini meninjau dan menilai sejauh mana pengaruh bahasa Jawa dalam bahasa Melayu dalam pertuturan seharian golongan muda. Tinjauan lapangan dijalankan di sebuah kawasan yang telah dipilih oleh pengkaji. Kawasan yang dipilih mestilah bersesuaian dengan tajuk yang telah dipilih dan

dikenali sebagai kawasan kajian. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian ini. Sampel kajian ini merupakan golongan muda yang berumur 6 hingga 25 tahun. Kaji selidik dijalankan ke atas 40 orang responden muda di dalam kampung ini. Setiap kategori yang diklasifikasikan diperuntukkan seramai 10 orang. Pengkaji telah menghadkan tahap umur responden yang disoal selidik adalah sehingga umur 25 tahun. Pengkaji memilih responden mengikut peringkat kerana mendapati bahawa keempat-empat kategori ini mempunyai peringkat situasi atau persekitaran yang berbeza. Misalnya perbezaan persekitaran golongan muda yang telah bekerja amat berbeza dengan persekitaran golongan muda yang masih lagi pada peringkat rendah dan menengah. Penyelidikan ini telah dilakukan menggunakan beberapa alat pengumpulan data seperti temu bual, alat perakam dan borang soal selidik. Borang soal selidik yang telah diisi oleh responden di kumpul semula oleh pengkaji. Borang-borang tersebut dianalisis dan kemudian dirumuskan. Jadual dan rajah digunakan untuk menterjemahkan data yang telah dirujuk kepada kekerapan bagi sesuatu yang dikemukakan. Segala pengiraan dikira dalam bentuk peratusan dan juga bilangan mengikut jumlah yang dikaji.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengaruh Penggunaan Bahasa Jawa dalam Pertuturan Seharian

Bahasa Jawa merupakan bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Jawa di negara ini. Masyarakat Jawa di Tanah Melayu telah menggunakan bahasa tersebut sejak sekian lama. Bermula dari penghijrahan mereka ke tanah Melayu sehingga pada saat ini. Banyak penempatan telah dibuka termasuklah Kampung Sungai Leman, Sekinchan. Kampung ini terletak di Sekinchan dan termasuk dalam daerah Sabak Bernam.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan pada pengaruh penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan golongan muda serta fenomena percampuran kod dalam pertuturan seharian di kampung tersebut. Kebanyakan penduduk kampung ini berketurunan Jawa dan berasal dari kampung ini. Penduduk kampung ini terutamanya golongan veteran menggunakan bahasa Jawa semasa berinteraksi dalam hubungan sosial mereka seharian. Sejauh manakah golongan muda di kampung ini menguasai kemahiran dalam berbahasa Jawa

yang dimiliki oleh ibu bapa mereka. Adakah mereka masih lagi mempraktikkan kemahiran tersebut dan mengaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka atau mereka mencampuradukkan penggunaan bahasa Jawa dengan bahasa Melayu? Kajian ini akan meninjau, menilai dan mengupas sejauh manakah penggunaan bahasa Jawa mereka itu. Dari sehari ke sehari kampung ini mengalami pertambahan penduduk. Ramai orang luar datang dan menetap di kampung ini. Kampung ini pada mulanya mempunyai penduduk yang majoritinya berketurunan Jawa telah menerima kehadiran kaum Melayu dari pelbagai negeri di Tanah Melayu. Mereka menjalani kehidupan tanpa sebarang masalah. Kesan dari keadaan tersebut, terdapatnya masyarakat Jawa yang mendirikan rumah tangga dengan orang luar. Pasangan mereka terdiri daripada keturunan Melayu, Bugis, Banjar, dan sebagainya. Situasi ini telah melahirkan beberapa keturunan dalam kalangan golongan muda sendiri. Terdapat sebahagian responden yang berketurunan Jawa dan ada juga yang berketurunan kaum yang pelbagai. Di dalam kajian ini, fokus keturunan akan dibahagikan kepada 3 iaitu keturunan Jawa, Melayu-Jawa dan Melayu. Jadual 1 dapat menjelaskan dengan lebih terperinci tentang keturunan responden dalam kajian ini.

Jadual 1. Keturunan responden secara keseluruhan

Keturunan	Bilangan
Jawa	31
Melayu	0
Melayu + Jawa	9
Jumlah	40

Peluang pekerjaan merupakan salah satu faktor yang menyebabkan orang luar datang berhijrah dan menetap di kampung ini. Selain daripada berhampiran dengan pekan Sekinchan, kemudahan pengangkutan dan jalan raya yang lengkap dan baik juga terdapat di kampung ini. Oleh yang demikian, tidak mustahil masyarakat bukan Jawa juga membanjiri kawasan ini.

Walaupun penggunaan bahasa Jawa menjadi perantaraan penduduk semasa proses komunikasi, namun penggunaan bahasa Jawa sebenarnya masih menjadi bahasa kedua dalam kalangan golongan muda di kampung tersebut. Hal ini terbukti melalui hasil kajian yang menunjukkan mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. 100% responden telah menjawab bahawa di dalam situasi rasmi sebagai contoh di sekolah, mereka

tetap menggunakan bahasa Melayu standard. Hal ini berbeza dengan situasi tidak rasmi, golongan muda di institusi pengajian tinggi dan mereka yang telah bekerja mempunyai kadar penggunaan bahasa Jawa yang paling tinggi. Berbeza dengan golongan muda di bawah umur 18 tahun ke bawah dan masih bersekolah. Jadual 2 menunjukkan perbezaan yang ketara di antara empat kategori golongan muda terhadap penggunaan bahasa Jawa.

Jadual 2. Penggunaan bahasa Jawa dalam situasi tidak rasmi

Kategori	Bahasa Melayu	Bahasa Jawa	Jumlah
6 – 12 tahun	9	1	10
13 – 18 tahun	8	2	10
IPT	2	8	10
Bekerja	1	9	10

Golongan muda yang berumur 6 hingga 12 tahun dan 13 hingga 18 tahun kurang menggunakan bahasa Jawa. Menurut Hammink (2000), seseorang menggunakan satu bahasa sahaja di rumah adalah kerana mereka mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap bahasa tersebut. Hal ini menunjukkan golongan ini kebanyakannya hanya menguasai satu bahasa sahaja iaitu bahasa Melayu. Dalam hal ini faktor kekeluargaan juga boleh dikaitkan. Terdapat beberapa orang ibu bapa yang ditemu bual menyatakan mereka lebih senang dan selesa berkomunikasi menggunakan bahasa Jawa dengan anak-anak yang lebih tinggi usianya berbanding dengan anak-anak mereka yang masih kecil walaupun penggunaan bahasa anak-anak mereka bercampur aduk. Penggunaan bahasa Jawa dalam situasi tidak rasmi ini biasanya berlaku di rumah, kedai runcit atau warung atau kedai makan, majlis keramaian, surau, masjid dan tempat-tempat lain. Memang tidak dinafikan bahawa percampuran kod dalam komunikasi telah berlaku terutamanya antara golongan muda dengan golongan veteran di kampung ini. Jadual 3 menunjukkan antara tempat yang biasanya terjadi percampuran kod dalam komunikasi kalangan golongan muda.

Jadual 3. Kekerapan percampuran kod mengikut lokasi

Tempat	Kekerapan	Peratus
Rumah	25	62.5%
Majlis keramaian	20	50%
Kedai	15	37.5%
Masjid	15	37.5%
Taman permainan	10	25%
Tempat kerja	5	12.5%

Di sini dapat dilihat bahawa situasi di rumah sebanyak 62.5% dan bermakna 37.5% dalam kalangan responden masih lagi bertutur sepenuhnya dalam bahasa Melayu di rumah. Majlis keramaian merupakan tempat kedua bagi kekerapan paling banyak selepas rumah. Sebanyak 50% responden menggunakan percampuran kod dalam pertuturan semasa berada di majlis keramaian. Manakala di masjid atau surau dan kedai runcit atau kedai makan pula masing-masing mempunyai kekerapan yang sama banyak iaitu 37.5%. Diikuti dengan di taman permainan sebanyak 25%. Tempat kerja mempunyai peratusan yang terendah berbanding dengan tempat-tempat lain iaitu 12.5%. Hal ini kerana hanya dalam keadaan tertentu sahaja mereka boleh menggunakan bahasa Jawa. Misalnya ketika bertemu dengan rakan-rakan yang boleh berbahasa Jawa.

Dalam situasi di rumah, terdapat beberapa pihak dari pihak responden yang biasanya berkomunikasi menggunakan bahasa Jawa semasa berinteraksi dengan mereka. Antaranya ialah ibu bapa, datuk dan nenek, adik beradik, ipar duai dan ahli keluarga lain. Jadi golongan muda ini lebih cenderung untuk melakukan percampuran kod ketika berada di rumah kerana mereka ingin menunjukkan mereka juga tahu untuk bertutur dalam bahasa Jawa walaupun bahasa Jawa hanyalah bahasa ibunda mereka. Hal ini mempunyai hubung kait dengan kajian Reyes (2004:84) yang mendapati golongan muda atau kanak-kanak yang semakin meningkat remaja akan kerap melakukan amalan percampuran kod untuk menunjukkan taraf sosial dan keupayaan berbahasa mereka. Sementara di majlis keramaian pula, responden akan menuturkan bahasa Jawa dengan jiran-jiran, saudara mara atau sahabat handai. Apabila berada di kedai runcit atau kedai makan pula, responden akan berinteraksi dengan menggunakan bahasa Jawa ketika berkomunikasi dengan peniaga tersebut. Adakalanya peniaga akan berbual-bual dengan pelanggan yang ada di kedai berkenaan. Situasi begini kebiasaannya berlaku antara responden dengan golongan veteran. Penggunaan bahasa Jawa sebenarnya bukan menjadi satu bahasa yang utama dalam proses interaksi dalam kalangan responden di kampung ini. Namun mereka akan menggunakan bahasa Jawa bergantung pada tempat dan situasi.

Percampuran Kod Mengikut Lokasi

Pada bahagian ini, hanya tiga lokasi yang ditumpukan untuk dibincangkan iaitu rumah, majlis keramaian

dan kedai. Hal ini berikutan ketiga-tiga tempat ini menduduki tiga tempat teratas dalam kekerapan penggunaan bahasa Jawa oleh golongan muda berketurunan Jawa.

Di rumah

Situasi perbualan bahasa semasa di rumah biasanya melibatkan perbualan antara ahli yang terdapat dalam sebuah rumah. Misalnya perbualan di antara ibu dengan anak, nenek atau datuk dengan cucu, abang dengan adik dan sebagainya. Penggunaan bahasa semasa di rumah merupakan maklumat yang penting di kalangan ahli keluarga. Ini kerana ia dapat menggambarkan situasi penggunaan bahasa yang sebenar. Umumnya, apabila dua individu berinteraksi, mereka pastinya memerlukan satu bahasa yang boleh difahami oleh kedua-dua pihak. Ekoran daripada itu pastinya penutur tersebut memilih bahasa yang boleh difahami dan disenangi oleh pendengarnya. Nik Safiah (1989) berpendapat bahawa pengetahuan dan tahap penguasaan bahasa-bahasa juga menentukan jenis bahasa yang dicampurkan ke dalam bahasa natif. Hal ini bermaksud hampir keseluruhan mereka bertutur dalam bahasa Melayu semasa di rumah walaupun ada di kalangan ahli keluarga yang menggunakan bahasa Jawa semasa bertutur dengan golongan muda pada peringkat ini. Tetapi kebiasaannya mereka akan menjawab dengan menggunakan bahasa Melayu dan bercampur dengan bahasa Jawa. Sebagai contoh perbualan antara nenek dengan cucunya dan antara abang dengan adiknya.

- 1) Nenek: *Kelambine eneng opo orak nang lempitan?*
Cucu : *Eneng kat rak baju.*
- 2) Abang: *Adiq tolong jikokne pinggan. Dilap ndesek pinggane kue.*
Adik : *Engko ndesek. Aku tengah sibuk ni.*

Berdasarkan perbualan yang dikemukakan, didapati seorang nenek yang berusia dalam lingkungan 50 tahun ke atas telah menggunakan bahasa Jawa dengan cucunya yang berumur 7 tahun. Namun demikian, jawapan yang diberikan oleh cucunya adalah dalam bahasa Melayu. Sementara itu, dalam ayat yang kedua pula perbualan antara abang dengan adik, terdapatnya perkataan bahasa Jawa yang bercampur aduk dengan bahasa Melayu. Perkataan pinggan telah menjadi *pinggane* akibat pengaruh bahasa Jawa. Dalam kalangan responden

yang dikaji mereka mempunyai sebab-sebab yang tertentu terjadinya perkara ini. Di antaranya disebabkan oleh golongan muda ini tidak mampu untuk bertutur walaupun mereka memahami maksud yang diungkapkan. Ada pula di antara mereka kanak-kanak yang boleh berbahasa Jawa tetapi mereka lebih selesa menggunakan bahasa Melayu semasa berinteraksi. Hal yang demikian berlaku disebabkan mereka menganggap bahasa Melayu lebih mudah berbanding dengan bahasa Jawa. Tambahan pula pada tahap ini mereka merupakan golongan pelajar. Jadi mereka lebih banyak terdedah kepada penggunaan bahasa Melayu semasa proses pembelajaran di sekolah ataupun semasa berinteraksi dengan rakan-rakan.

Berdasarkan data yang diperoleh, terdapat banyak perkataan dalam bahasa Jawa yang sering dicampur adukkan dalam penggunaan bahasa Melayu oleh golongan muda. Contoh ayat campuran Melayu-Jawa :

Contoh 1

Panas la. Aku nak *adus*.
Adus bermaksud mandi.

Dalam ujaran di atas, responden telah mencampur adukkan kosa kata bahasa Jawa dalam ujaran tersebut. Kosa kata "*adus*" adalah kosa kata bahasa Jawa yang membawa maksud mandi. Dalam kajian ini kesemua responden merupakan golongan muda yang berketurunan Jawa. Akan tetapi akibat dari pendidikan yang mementingkan bahasa Melayu, generasi muda kini lebih selesa untuk menuturkan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian. Oleh sebab pengaruh bahasa Jawa, mereka mencampur adukkan bahasa Jawa dengan bahasa Melayu. Menurut Kang (2001), fenomena percampuran kod sering terjadi dalam pertuturan generasi muda yang terdedah kepada pendidikan formal yang menggunakan bahasa pengantar sama ada Inggeris atau Melayu. Dalam hal ini keseluruhan responden didedahkan dengan pendidikan formal yang belatar belakangkan bahasa Melayu sejak kecil lagi. Hal ini kerana bahasa Melayu merupakan bahasa yang amat penting dan bahasa rasmi penduduk di Malaysia. Selain itu disertakan lagi contoh percampuran kod yang berlaku di rumah. Di bawah ini disertakan contoh percampuran kod dalam pertuturan golongan muda ketika berada di rumah.

Contoh 2 : Dah *bengi* ni. Aku nak *туру* dulu.
Bengi bermaksud malam, *туру* bermaksud tidur.

Contoh 3 : Izam, pukul berapa ko nak *lungo* rewang rumah Wak Ma'at.
Lungo bermaksud pergi.

Contoh 4 : Jangan naik motor laju-laju. *Mengko tibo*.
Mengko bermaksud nanti, *Tibo* bermaksud jatuh.

Contoh 5 : Kau la pergi *takon* Wak Lemam, aku malu la.
Takon bermaksud tanya.

Contoh 6 : Dah pagi ni. *Tangi* sembahyang Subuh.
Tangi bermaksud bangun.

Contoh 7 : Sombong betul Wak Ali tu. Aku panggil tak nak *semaur*.
Semaur bermaksud jawab atau tegur.

Contoh 8 : Jangan *mlaku* laju-laju dik. Nanti jatuh.
Mlaku bermaksud berjalan.

Contoh 9 : Aku haus la mak. Nak *ngombe banyu adem* la.
Ngombe bermaksud minum, *banyu* bermaksud air, *adem* bermaksud sejuk.

Contoh 10 : Sibuk betul adik ko mat. *Melbumetu* bilik dari tadi.
Melbumetu bermaksud keluar masuk.

Contoh 11 : mak, aku lapar la. Nak *mangan sego*.
Mangan bermaksud makan, *sego* bermaksud nasi.

Contoh 12 : Jangan *Mlayu*, nanti jatuh.
Mlayu bermaksud lari

Dalam beberapa contoh dan ayat di atas yang dinyatakan, jelaslah bahawa responden yang disoal sememangnya kerap mencampuradukkan banyak perkataan bahasa Jawa dalam pertuturan seharian mereka. Tetapi apa yang nyata pertuturan seperti itu hanya diungkapkan ketika berinteraksi dengan adik beradik, ibu bapa, kawan-kawan dan jiran mereka. Namun mereka tidak mengungkapkannya dalam situasi formal contohnya di sekolah.

Di majlis keramaian

Majlis keramaian adalah satu majlis di mana semua atau sebahagian besar penduduk kampung akan berkumpul untuk menyertai majlis tersebut. Ketika itulah mereka akan berkumpul dan

bertemu seterusnya mereka akan berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain. Pada waktu inilah golongan muda ini menggunakan bahasa Jawa apabila berkomunikasi terutamanya dengan golongan veteran atau sesama mereka. Ramai golongan muda yang memahami dan menggunakan perkataan tertentu dalam bahasa Jawa. Perkataan ini biasanya disebut khusus untuk majlis keramaian. Nik Safiah Karim (1989), konteks seperti situasi pertuturan dan perbualan yang berlainan juga akan menentukan sama ada pengguna bahasa mencampurkan kod atau tidak.

Golongan muda telah menggunakan perkataan-perkataan ini ke dalam perbualan yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Jawa. Di bawah ini dinyatakan perkataan tersebut berserta dengan maksud dan contoh.

1. *Rewang* – sistem gotong-royong yang dilakukan oleh masyarakat keturunan Jawa ketika seseorang anggota masyarakat mengadakan kenduri kendara. Biasanya rewang difahami oleh anggota masyarakat Jawa sebagai memikul tugas atau tanggungjawab dalam majlis kenduri kendara yang besar seperti majlis perkahwinan dan berkhatan sama ada lelaki atau perempuan. Contoh 13: Esok jangan lupa pergi *rewang* rumah Wak Leman pukul 8 pagi.
2. *Gejobos* – kakitangan atau orang yang terlibat semasa kenduri berlangsung. Terdiri daripada orang yang sekampung dengan tuan rumah. Anggota masyarakat yang di luar kampung itu tidak dipanggil *gejobos* tetapi sebagai jemputan sahaja. Contoh 14: Ramai betul orang yang *gejobos* di kenduri rumah Wak Leman semalam.
3. *Selamatan* – Satu penyataan kesyukuran dalam kalangan masyarakat Jawa di sini. Perkataan *selamatan* berasal dari perkataan *slamet* yang bermaksud selamat atau sempurna. *Selamatan* merupakan fenomena sejagat dalam lingkungan masyarakat Jawa di sini. Setiap anggota masyarakat didorong oleh tingkah laku yang dipelajari untuk mengadakan *selamatan* sebagai tanda kesyukuran terhadap sesuatu peristiwa yang dialami. Situasi ini pula diimbangi oleh setiap anggota masyarakat Jawa yang peka untuk memenuhi jemputan *selamatan* yang diadakan oleh anggota masyarakat. Sikap ini melambangkan situasi keselamatan adalah harapan semua anggota masyarakat. Contoh 15: Mak, saya bercadang nak buat kenduri *selamatan* sebelum berangkat belajar ke luar negara minggu depan.
4. *Nyumbang* – Sumbangan yang diberikan dalam bentuk wang, bahan-bahan mentah seperti minyak, beras dan gula dan sebagainya kepada anggota masyarakat yang akan mengadakan majlis kenduri seperti kenduri kahwin. Sumbangan dalam bentuk selain wang biasanya dilakukan oleh ahli keluarga atau jiran. Ahli anggota masyarakat biasanya menyumbang dalam bentuk wang. Contoh 16: Wah, ramainya jiran yang *nyumbang* dalam kenduri kali ni pak.
5. *Bancaan/Among-among* – Merujuk kepada upacara *selamatan* yang diadakan secara kecil-kecilan dan biasanya dilaksanakan berdasarkan nazar seseorang. Nazar dalam masyarakat Jawa merupakan satu kebiasaan untuk menyatakan harapan mereka kepada keselamatan. Seseorang akan bernazar untuk membuat *bancaan* atau *among-among* apabila ahli keluarga mendapat kejayaan. Mereka juga akan membuat *bancaan* apabila seseorang daripada anggota keluarga mereka sembuh dari sesuatu kecelakaan atau penyakit. Dalam majlis ini, jemputan biasanya terhad kepada dua atau tiga buah rumah terdekat. Adakalanya mereka hanya menjemput kanak-kanak untuk menjadi tetamu. (*bancaan bocah atau among-among bocah*). Contoh 17: Din, bapak aku jemput kau datang *bancaan* kat rumah aku pukul 2 petang nanti.
6. *Mitoni* : Kenduri sempena melenggang perut. Ia mengharap keselamatan terhadap ibu ketika mengandung dan ketika melahirkan anak dan menyatakan rasa bersyukur selepas ibu bersalin. Contoh 18: Mak, nanti nak ikut mak pergi kenduri *mitoni* anak Wak Leman.
7. *Layat* : Melawat keluarga yang menerima kematian. Biasanya semasa *layat* anggota masyarakat akan bersama-sama bergotong-royong menyempurnakan jenazah. Mereka akan bersama-sama membacakan al-Quran, menyembahyangi dan bersama-sama mengiringi jenazah sehingga selesai dikebumikan. Contoh 19: Man, jom pergi *layat* kat rumah Mbah Daim.

Demikianlah antara contoh-contoh istilah, maksud serta contoh ayat atau ujaran yang sering mengalami fenomena percampuran kod oleh golongan muda di sini yang berkenaan dengan majlis keramaian. Mereka sering menggunakan istilah ini ke dalam perbualan bahasa Melayu. Perbualan mereka meliputi pelbagai pihak seperti kawan, ibu bapa dan jiran-jiran.

Di kedai

Kedai merupakan salah satu tempat atau lokasi di mana golongan muda di kampung ini sering menuturkan bahasa Jawa. Sebanyak 37.5% dalam kalangan golongan responden menggunakan bahasa Jawa ketika berada di kedai. Namun penggunaan bahasa Jawa dicampur adukkan dengan bahasa Melayu. Faktor utama golongan muda menuturkan bahasa Jawa ini adalah kerana pemilik kedai berkenaan berketurunan Jawa dan sentiasa berkomunikasi dalam bahasa Jawa. Hal ini bertepatan dengan pendapat Nik Safiah Karim (1989), yang menyatakan konteks seperti situasi pertuturan dan perbualan yang berlainan juga akan menentukan sama ada pengguna bahasa mencampurkan kod atau tidak. Hakikat ini memang jelas kerana sepanjang kajian, hampir setiap kedai yang berada dalam kampung tersebut dimiliki oleh orang Jawa. Berikut adalah contoh ayat yang biasa digunakan di kedai.

Percampuran kod yang berlaku di kedai.

Contoh 20: Saya nak *tuku* gula sekilo.

Dalam ujaran di atas, kosa kata Jawa telah disisipkan dalam ujaran bahasa Melayu iaitu kata “tuku”. Dalam bahasa Melayu *tuku* bermaksud beli. Responden mencampurkan kod bahasa Jawa dalam bahasa Melayu kerana pemilik kedai yang berketurunan Jawa dan sememangnya bertutur dalam bahasa Jawa. Selain itu responden juga kurang berpengetahuan dalam penguasaan terhadap bahasa Jawa walaupun diketahui dia adalah berketurunan Jawa. Suraiya Alam (2006), melalui kajiannya mendapati bahawa salah satu faktor berlakunya percampuran kod adalah kurangnya penguasaan dan pengetahuan terjemahan kata dalam bahasa natif. Seterusnya disertakan contoh lain ujaran yang diperoleh oleh pengkaji.

Contoh 21: Wak, timbangkan tepung gandum *telung* kilo.

Telung/telu bermaksud tiga.

Contoh 22: Wak, sos ni *pirang* ringgit ni?

Pirang bermaksud berapa.

KESIMPULAN

Kajian ini merupakan kajian yang penting bagi memastikan penggunaan bahasa ibunda dan bahasa Melayu yang betul bagi memastikan kedua-dua bahasa ini terus dipelihara. Percampuran kod merupakan fenomena yang biasa berlaku dalam semua masyarakat di dunia termasuklah golongan muda dalam kajian ini. Penutur yang boleh berbahasa lebih daripada satu bahasa sama ada bahasa utama, bahasa ibunda atau dialek-dialek secara sedar atau tidak akan mencampur adukkan bahasa-bahasa yang diketahui mengikut situasi semasa. Percampuran kod bukan sahaja berlaku dalam perbualan seharian kita malahan jika tidak dibendung akan turut menular dalam situasi formal atau rasmi. Selain itu, kesan yang paling digeruni akibat dari percampuran kod ini adalah terbentuknya generasi yang akan menggunakan bahasa Melayu dengan salah. Fenomena ini jika tidak dibendung akan membawa kepada wujudnya satu budaya yang sangat merendahkan martabat bahasa Melayu. Justeru, kita perlulah menjaga dan memelihara bahasa ibunda dan bahasa Melayu dengan menggunakan bahasa-bahasa ini secara tepat mengikut situasi agar keaslian bahasa itu dapat dikekalkan pada generasi yang akan datang.

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1985. Pattern of language communication in Malaysia. *Southeast Asia Journal Of Special Science*: 19-28.
- Bokamba, E.G. 1988. Code-mixing, language variation and linguistic theory: Evidence from Bantu languages. *Lingua* 76(1): 21-62.
- Hamminck, J.E. 2000. A Comparison of Code Switching Behaviour and Knowledge of Adults and Children. E-Library: 46-65. http://hamminckj.cafeprogressive.com/CS_paper.htm. (24 Disember 2013).
- Haugen, E. 1953. *The Norwegian Language in America: A Study in Bilingual Behavior*. Philadelphia: Univ. of Pennsylvania Press.
- Jendra, I. W. 1991. *Dasar-dasar Sosiolinguistik*. Denpasar: Penerbit Ikayana.
- Kachuru, B.B. 1978. Toward structuring code-switching: An India perspective. *International Journal of the Sociology of Language* 16: 27-46.

- Kang, Choo Bee. 2001. Pengalihan Kod Dan Percampuran Kod Dalam Komuniti Cina Peranakan Kelantan. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Myers, S.C. 1988. Code switching as indexical of social negotiations. Dlm. Heller, M. (ed.). *Code Switching: Anthropological and Sociolinguistic Perspectives*: 151-186. New York: Mouton de Gruyter.
- Nik Safiah Karim. 1989. *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et al. 1993. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reyes, I. 2004. Functions of code switching in schoolchildren's conversations. *Bilingual Research Journal* 28(1): 77-98.
- Suraiya Alam. 2006. Code mixing in Bangladesh. A case study of non government white-collar service holders and professionals. *Asian Affairs* 28(4): 52-70.

Mohammad Firdaus Bin Pawit
Felo Penyelidik Siswazah
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: firdausyonos@yahoo.com

Normahdiah Binti Sheik Said, Ph.D.
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: normahdiah@upm.edu.my

